

Headline	<b>Susu kuda liar mampu cegah pelbagai penyakit bahaya</b>
Date	<b>19. Jun 2008</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>
Section	<b>Nasional</b>
Circulation	<b>217920</b>
Readership	<b>2083000</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>9</b>
Article Size	<b>322 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



**Susu kuda liar  
mampu cegah  
pelbagai  
penyakit bahaya**

Headline

**Susu kuda liar mampu cegah pelbagai penyakit bahaya**

Date

**19. Jun 2008**

Media Title

**Berita Harian**

**P**ENGAMBILAN susu kuda liar secara berterusan didapati mampu mengawal dan mencegah sel tubuh daripada rosak dan dijangkiti kanser.

Menurut satu kajian, langkah itu juga berupaya melambatkan proses pertuaan, menghindarkan tekanan serta penyakit berkaitan darah seperti denggi, kencing manis dan asma. Namun kesan penyembuhan bagi setiap individu adalah berbeza.

Perkara ini disahkan Dekan (Penyelidikan dan SiswaZah) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Rozita Rosli, yang berkata: "Setakat ini, tiada lagi kajian saintifik (lain) dijalankan ke atas kesan susu kuda kepada pesakit kanser dan kami adalah perintisnya pada 1997."

Dr Rozita berkata, perbandingan membuktikan empat jenis susu iaitu susu kuda liar, susu lembu, susu kambing dan susu manusia, mendapati susu kuda liar adalah susu yang paling menyenai susu manusia dan ia mempunyai ciri terapeutik atau penyembuhan terhadap penyakit tertentu.

Katanya, fokus utama kajian adalah terhadap mekanisme tindak balas susu kuda baka Niemans bagi sel kanser iaitu dua jenis penyakit leukemia (kanser darah) dan seterusnya terhadap empat jenis sel kanser - kanser serviks, kanser ovarи, kanser payu dara dan kanser usus.

"Dalam kajian in-vitro yang dijalankan terhadap sel leukemia daripada manusia, antara 50 hingga 60 peratus pengurangan dapat dilihat dari segi jumlah kematian sel kanser. Ini secara tidak langsung membuktikan susu kuda liar mempunyai sifat antikanser yang mampu bertindak balas terhadap sel kanser itu," katanya.

Pengerusi Urusan Setia Brothers Sdn Bhd, Norhayati A Rahim, berkata sebagai pengusaha, pengeluar dan pengedar tunggal produk berdasarkan susu kuda liar di Malaysia, sambutan terhadap produk Niemans SKL setakat ini amat menggalakkan.

Kini jenama Niemans SKL mengalami penjenamaan semula dan dikenali sebagai Niemans Feramilch.

Niemans Feramilch boleh diambil sebagai makaran tambahan bagi menguatkan tenaga kerana ia mempunyai pelbagai jenis protein.

"Ia juga membantu untuk membekalkan tenaga tambahan, melambatkan proses penuaan dan menopaus serta mempunyai kandungan antiosidan yang tinggi," kata Norhayati.

Beliau berkata, dengan mengambil dua biji kapsul sehari dipercayai dapat menggalakkan pertumbuhan sel baru bagi mengantikan sel yang mati disebabkan serangan kanser dan meningkatkan sistem daya tahan badan.

Selain itu, kajian yang dijalankan mendapati tidak semua susu kuda mempunyai khasiat yang sama seperti Niemans Feramilch, yang kudanya dibiarakan hidup liar di hutan belantara sebuah negara jiran.

Justeru itu, ia mempunyai khasiat terapeutik, berdasarkan faktor pemakanan dan persekitaran semula jadi, kata Norhayati.

Produk baru bakal menyusul ialah yang khusus untuk kegunaan wanita dan kanak-kanak yang mempunyai fungsi masing-masing.

"Ketika diperkenalkan pada 1996, ia dijual dalam bentuk cecair dengan kapasiti 200ml hingga 500ml, kini dengan paket baru kami menjualnya dalam bentuk kapsul dengan paket blister mengandungi 20 biji kapsul dan botol (60 biji kapsul)," katanya.

Norhayati berkata bagi memenuhi permintaan dan pasaran semasa, produk akan dijual di farmasi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dalam tempoh terdekat ini.

Beliau berkata, penjenamaan semula ini membabitkan transformasi imej, peningkatan kualiti pembungkusan dan yang paling utama, inovasi nutraceutical melalui penemuan saintifik termaju, yang tidak ada pada produk lain di pasaran.

"Ini bagi memenuhi kehendak pengguna di dalam maupun luar negara," katanya.

Katanya, Niemans Feramilch sudah mencapai tahap pialawan ditetapkan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan.

Norhayati berkata, kebanyakan pelanggannya datang sendiri atau melanggar terus daripada syarikat.

"Berita yang tersebar melalui mulut ke mulut lebih berkesan dan amat memberi impak, kerana kenalan baik tidak akan mengesyorkan barang atau produk yang tidak bermutu atau tidak berkesan kepada kenalan atau keluarga mereka," katanya.

Sejarah produk Niemans bermula ketika seorang ahli keluarga Setia Brothers yang menghidap leukemia, mencuba susu kuda liar dan mendapatinya berkesan untuk meningkatkan kesihatan.

Sejak itu, mereka berasa terpangil untuk membantu pesakit lain, lantas mengesyorkannya sebagai rawatan alternatif bagi pesakit kanser.

Seorang pesakit kanser ovarи, Nor Aishah Saru, 41, dari Teluk Intan, Perak, berkata: "Sejak dua tahun lalu, saya sudah menjalani rawatan kemoterapi sebanyak sembilan kali selain daripada pelbagai rawatan perubatan lain.

"Namun, kesan yang paling ketara terhadap peningkatan kesihatan berlaku selepas menggunakan produk Niemans Feramilch," katanya. — Bernama